

ZAKAT DAN HAJI

Rukun Islam yang keempat dan kelima juga mempunyai batas masa yang berpandukan pergerakan bulan. Ibadat zakat hendaklah disempurnakan apabila cukup haulnya dan ibadat haji pula dikerjakan dalam bulan-bulan tertentu.

Firman Allah bermaksud :

"Mereka bertanya kepadamu mengenai anak bulan. Katakanlah : Anak bulan itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia, dan ibadat Haji".

(Al-Baqarah : 189)

Ibadat zakat pulak dilaksanakan dalam batas waktu yang dipanggil 'haul'.

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada 'Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

"Tiada zakat pada sesuatu harta hingga cukup setahun dimiliki, yakni cukup setahun dimiliki dengan cukup nisab".

Hilal sebagai petunjuk waktu awal bulan

BINTANG SEBAGAI PANDU ARAH

Sejak dari zaman dahulu hingga ke hari ini manusia menggunakan bintang sebagai pandu arah dalam pengembaraan dan pelayaran.

"Dan ia mengadakan tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang pada waktu malam mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju".

(An-Nahl : 16)



BURUJ BIDUK

TAQWIM

Taqwim Islam berdasarkan kepada pergerakan bulan mengelilingi bumi. Kaedah ini ada disebutkan di dalam Al-Quran :

"Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan hak. Allah menjelaskan tanda-tanda kebesaran-Nya bagi kaum yang mahu mengetahui."

(Yunus : 5)

WAKTU

Pergerakan matahari ketara jugak digunakan sebagai penentu waktu atau jam. Prinsip asas jam berdasarkan bayang objek yang disebabkan oleh cahaya matahari. Jam ini lebih dikenali sebagai jam suria.



JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

ILMU FALAK DALAM IBADAT DAN KEHIDUPAN

IMARAH A, ARAS 2 & 3, PUSAT ISLAM MELAKA
75400 BUKIT PALAH, MELAKA

TEL : 06-284 7920 / 21
FAKS : 06-2848144
WEB : muftimelaka.gov.my
E-MEL : jkmmufti@gmail.com



PENDAHULUAN

Galeri Balai Cerap Al-Khawarizmi

Ilmu falak atau astronomi suatu ilmu yang mengkaji mengenai asal-usul, pergerakan, saling-tindak dan sifat-sifat objek samawi dan alam semesta. Ilmu falak syarie mengkaji dalam ruang lingkup yang sama tetapi mempunyai matlamat yang akhirnya mentauhidkan atau mengEsakan Pencipta Alam ini, Allah. Ilmu ini tidak asing dan mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam masyarakat Islam. Ini disebabkan ia berkait rapat dengan amal ibadat umat Islam.

Al-Quran banyak menyentuh persoalan mengenai kejadian alam semesta. Banyak ayat yang menerangkan kejadian langit dan bumi, peredaran siang dan malam, pergerakan bintang, buruj, matahari dan bulan. Dan demikian tidak hairan ilmu ini telah berkembang dengan luas semasa zaman kegemilangan Islam dan telah mendapat tempat yang tinggi di dalam tamadun Islam.

Umat Islam telah menguasai ilmu ini selama 700 tahun dan melahirkan ramai tokoh yang telah menghasilkan dan menyumbang pelbagai sumbangan kepada dunia.

Pendidikan falak adalah selari dengan pendidikan Islam. Dari segi prinsip asas pendidikan Islam merangkumi aspek mengenai Tuhan, mengenai alam dan mengenal diri. Matlamatnya pula untuk membentuk akhlak yang mulia dan membangunkan manusia supaya melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah.

Melalui pemerhatian dan kajian yang dilakukan di dalam ilmu falak terhadap objek-objek samawi dan alam semesta menjadi sebagai satu jalan yang boleh membawa kepada mengenal Tuhan, yang mencipta alam ini. Seruan kepada mengenal Tuhan bermula dengan arahan agar memberi perhatian dan merenung kepada alam semesta.

"Kami akanlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata kepada mereka bahawa Al-Qur'an adalah benar. Belumkah cukup bagi mereka bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan, tiap-tiap sesuatu?"

(Fussilat : 53)

"Allah jualah yang meninggikan langit tanpa tiang sebagaimana kamu melihatnya ..."

(Ar-Ra'd : 2)

Bumi dilihat dari bulan, kelihatan terapung tanpa tiang yang menyokongnya.

FALAK DALAM IBADAT

Islam adalah satu agama yang sesuai dengan fitrah manusia dan selari dengan perjalanan alam. Pelaksanaan ibadah mempunyai kaitan rapat dengan fenomena alam cakerawala seperti pergerakan bulan, bumi dan matahari. Ini disebabkan ibadah dilaksanakan dalam batas masa tertentu. Masa bergantung kepada pergerakan bumi, matahari dan bulan. Hubungan antara falak dan ibadat menyaksikan keagungan dan Kekuasaan Pencipta alam ini yang Maha Bijaksana dan Maha Sempurna.

SOLAT

"Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang yang beriman, yang tertentu waktunya".

(An-Nisa' :103)

Waktu solat dihitung berdasarkan kepada pergerakan matahari ketara.

PUASA

Amalan ibadah puasa juga dilakukan dalam batas waktu yang ditetapkan berdasarkan kepada pergerakan bulan.

Firman Allah yang bermaksud :

"Beberapa hari yang ditentukan ialah bulan Ramadan bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara hak dan yang batil) kerana itu barangsiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu".

(Al-Baqarah :185)